



MODEL PENDIDIKAN WARGA EMAS: PEMBANGUNAN INSAN BERTERUSAN

[*ELDERLY EDUCATION MODEL: CONTINUOUS HUMAN DEVELOPMENT*]

MD. HIDAYAT OTHMAN¹ & MOHD. ISA HAMZAH^{1*}

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor MALAYSIA.
Email: p116580@siswa.edu.ukm.my; isa_hamzah@ukm.edu.my

Corespondent Email: isa_hamzah@ukm.edu.my

Received: 1 March 2024

Accepted: 15 March 2024

Published: 4 April 2024

Abstrak: Model Pendidikan Warga Emas: Pembangunan Insan Berterusan merujuk kepada pendekatan atau rangka kerja pendidikan yang bertujuan untuk memenuhi keperluan pembangunan individu dalam kalangan golongan warga emas secara berterusan terutamanya aspek-aspek seperti kesihatan, kebolehan mental, keselamatan, kebolehan sosial, dan kebolehan emosi. Model ini diperlukan kerana terdapat kekurangan dalam penawaran program pendidikan yang khusus dan efektif untuk memenuhi keperluan pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan insan warga emas. Objektif kajian ini adalah untuk menyenaraikan keperluan dan sukanan kurikulum yang sesuai untuk warga emas serta mengenal pasti tempat belajar yang sesuai bagi golongan warga emas. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik (SLR). Kajian ini sangat penting bagi menyusun senarai keperluan dan sukanan kurikulum yang sesuai untuk warga emas dan juga mengenal pasti persekitaran pembelajaran yang bersesuaian dengan keperluan golongan warga emas dari segi aksesibiliti, kemudahan fizikal, dan faktor-faktor lain yang membolehkan mereka mudah mendapatkan pendidikan. Hasil kajian ini menyatakan Pendidikan Warga Emas harus berteraskan kerohanian dan kasih sayang. Kemudahan tempat belajar yang sesuai mampu memenuhi keperluan warga emas untuk membina jati diri yang kuat. Teori atau model pembelajaran sebagai panduan tanpa mengabaikan aspek utama dan terpenting iaitu hati dan perasaan warga emas untuk belajar. Peranan guru perlu diperkasakan seiring dengan era globalisasi agar guru dapat dilihat benar-benar berfungsi dalam membantu warga emas. Dapat disimpulkan Model Pendidikan Warga Emas harus disusun dan dibina berdasarkan keperluan setiap warga emas itu sendiri..

Kata kunci: Model Pendidikan Warga Emas, pembelajaran sepanjang hayat, keperluan dan sukanan kurikulum, kemudahan tempat belajar

Abstract: The Elderly Education Model: Continuous Human Development refers to an approach or educational framework that aims to meet the needs of individual development among the elderly on an ongoing basis, especially aspects such as health, mental abilities, safety, social abilities, and emotional abilities. This model is needed because there is a shortage in the provision of specific and effective educational programs to meet the lifelong learning and development needs of the elderly. The objective of this study is to list the needs and measures of the curriculum suitable for the elderly as well as identify suitable learning places for the elderly. This study is a qualitative study that uses a systematic literature review (SLR) method. This study is very important to compile a list of curriculum requirements and measures that are suitable for the elderly and also identify a learning environment that is suitable for the needs of the elderly in terms of accessibility, physical facilities, and other factors that allow them to easily obtain education. The results of this study stated that Elderly Education should be based on spirituality and love. Appropriate learning facilities are able to meet the needs of the elderly to build a

strong identity. Learning theory or model as a guide without neglecting the main and most important aspect which is the heart and feelings of the elderly to learn. The role of teachers needs to be strengthened in line with the era of globalization so that teachers can be seen to really function in helping the elderly. It can be concluded that the Elderly Education Model should be compiled and built based on the needs of each elderly person himself.

Keywords: : The Elderly Education Model, lifelong learning, curriculum needs and measures, learning facilities

Cite This Article:

Md. Hidayat Othman & Mohd. Isa Hamzah. 2024. Model Pendidikan Warga Emas: Pembangunan Insan Berterusan [Elderly Education Model: Continuous Human Development]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 4(2), 1-12.

PENGENALAN

Masyarakat hari ini semakin berminat menghantar anak-anak ke bidang tafhiz al-Quran. Permohonan yang tinggi untuk kemasukan ke institusi tafhiz al-Quran di seluruh negara menjadi bukti kesedaran dan keterbukaan ibu bapa terhadap pentingnya pendidikan al-Quran dalam membentuk kejayaan anak-anak. Oleh yang demikian, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberikan perhatian kepada perkembangan institusi dan kurikulum tafhiz di negara ini dalam melahirkan generasi yang seimbang duniawi dan ukhrawi. Usaha daripada pihak kerajaan ini sangat penting dalam memastikan pelajar disiapkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang menepati pasaran kerjaya dalam negara ini. Usaha memperluaskan program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) ini telah dimulakan pada 2013, diikuti oleh pembukaan program ini di tiga buah sekolah.

Pembelajaran Sepanjang Hayat ini adalah suatu usaha yang berterusan dalam mencari ilmu-ilmu pengetahuan serta kemahiran tertentu untuk tujuan peribadi atau tujuan satu-satu organisasi bagi menambah ilmu dan kemahiran yang diperlukan di tempat kerja. Ianya dilakukan dari kecil sehingga dewasa tanpa mengira umur berlaku di mana-mana tempat, bila-bila masa dan apa-apa sahaja ilmu dan kemahiran yang berguna kepada diri sendiri dan organisasi. Pembelajaran Sepanjang Hayat juga memberi motivasi kepada diri sendiri dalam menguasai ilmu serta menjadikan nilai-nilai yang baik tertanam dalam diri bagi meluaskan pengalaman dalam kehidupan seharian agar kita semua dapat melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberikan dalam pelbagai situasi yang dialami seterusnya menjadi seorang yang mahir dalam bidang-bidang tertentu.

Selain itu, Pembelajaran Sepanjang Hayat membolehkan semua manusia memilih ilmu dan kemahiran yang tepat dengan minat dan bakat yang bersesuaian dengan diri sendiri untuk kehidupan yang lebih luas dan bermakna. Pembelajaran Sepanjang Hayat juga ditakrifkan sebagai semua aktiviti seumur hidup untuk tujuan meningkatkan pengetahuan, kemahiran nilai-nilai murni dalam semua aspek yang berkaitan dengan diri sendiri dan organisasi pekerjaan. Seterusnya, Pembelajaran Sepanjang Hayat ini boleh dilaksanakan dalam beberapa kategori iaitu secara formal, bukan formal dan tidak formal. Ketiga-tiganya mempunyai perbezaan dari sudut pelaksanaan dan kandungan serta pengisian di dalamnya.

Formal

Pembelajaran secara formal adalah pembelajaran yang disusun serta berstruktur dengan bagi tujuan mendapatkan pengiktirafan akademik serta sijil-sijil yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu. Contohnya, sijil Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penaksiran Tingkatan 3 (PT3), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta diploma, ijazah sarjana serta pascasiswazah di kolej atau universiti awam dan swasta. Di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah satu kurikulum standard telah dirangka oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk dirujuk oleh para guru dalam menyampaikan pendidikan kepada murid dan pelajar.

Bukan formal

Pembelajaran bukan formal pula adalah pembelajaran yang dilakukan di tempat lain dan bukan dalam persekitaran institusi yang formal. Pembelajaran ini tidak memberikan apa-apa sijil pengiktirafan akademik. Pembelajaran jenis ini hanya untuk mana-mana pekerja yang berkhidmat dalam satu organisasi untuk membangunkan potensi diri sendiri untuk menjadi tenaga mahir dan pakar dalam bidangnya. Ianya menjadi pekerja boleh berdikari sendiri serta boleh memberi tunjuk ajar kepada orang bawahannya. Sebagai contoh seorang guru mempelajari ilmu komputer dalam kursus kompetensi ICT. Guru ini hanya mempertingkatkan ilmunya dalam bidang komputer tanpa mendapat sijil pengiktirafan berkaitan ilmu pengkomputeran.

Tidak formal

Manakala pembelajaran tidak formal ini dijalankan bertujuan untuk mengembangkan minat dan kecenderungan untuk meningkatkan kualiti hidup diri sendiri. Pembelajaran jenis ini tidak memberikan apa-apa pengiktirafan akademik. Ini kerana ianya dilakukan secara santai dan tidak berstruktur serta tidak perlu pening dengan apa-apa ujian dan peperiksaan di kemudian hari. Sebagai contoh, aktiviti senam aerobik di mana individu yang hadir melakukan aktiviti senam aerobik ini boleh memilih hari kesukaannya untuk hadir tanpa jadual yang perlu dipatuhi. Mereka hanya perlu melihat guru senam di hadapan dan mengikuti langkah-langkahnya. Ianya memberikan kepuasan dan di samping kesihatan kepada individu tersebut.

Definisi Warga Emas

Warga emas secara umumnya adalah sesiapa sahaja yang telah mencapai atau genap umurnya 60 tahun dan ke atas. Mereka kebiasaannya digelar datuk atau nenek dalam sebuah keluarga besar dan kadang-kadang boleh mencapai gelaran datuk moyang atau nenek moyang ketika berumur 60 tahun. Merekalah ketua utama bagi sebuah keluarga yang besar terdiri daripada moyang, datuk, nenek, ibu, bapa, anak, cucu serta cicit. Dalam konteks Keluarga Malaysia, kita seharusnya berterima kasih dan menghargai jasa warga emas ini kerana golongan telah banyak menabur bakti dan jasa kepada negara dalam membangun ekonomi dan kemakmuran negara daripada penjajah sebelum kemerdekaan negara kita. Tanpa pengorbanan mereka, kita tidak mungkin mengecapi nikmat dan kemudahan yang ada di negara kita sekarang.

Kamus Dewan DBP Edisi Keempat (2010) mendefinisikan warga emas sebagai warga tua yang telah lanjut usia seperti datuk dan nenek. Manakala Surina (2006) memberikan definisi warga emas sebagai mereka yang berusia 60 tahun dan lebih. Warga tua atau warga emas ditakrifkan kepada seseorang yang telah genap umurnya 60 tahun ke atas. Takrifan ini disokong oleh ‘World Assembly on Aging in 1982’ di Vienna. Dasar Warga Tua Negara pula mengkategorikan bahawasanya warga emas adalah mereka yang umurnya melebihi 60 tahun (Nor Raudah. 2015). Menurut Nor Raudah (2015), di negara maju atau negara membangun menyatakan bahawa sesiapa sahaja yang telah mencapai umur 65 tahun dan ke atas layak dikategorikan sebagai warga tua atau warga emas berdasarkan taraf pendidikan, ekonomi, kesihatan serta jangka hayat yang lama bagi warga di negara maju dan membangun.

Menurut kajian Elmi dan Zainab (2013) terdapat beberapa pandangan sarjana-sarjana Islam mengenai warga emas, di antaranya adalah Abu Hayyan mentakrifkan warga emas sebagai seseorang yang lemah pancaindera terutamanya pertuturnya, akal fikirannya dan juga daya ingatannya yang tumpul untuk mengingat sesuatu perkara. Manakala al-Alus pula menjelaskan warga emas ialah seseorang yang lemah kekuatan anggota fizikal dan telah hilang keupayaan pancaindera seperti mana semasa waktu muda dan masih kuat. Al-Tabari mendefinisikan warga emas sebagai seseorang yang telah mencapai umur 75 tahun ke atas dan lemah akal fikiran seperti kanak-kanak yang masih kecil. Usia tua ini bolehlah dimaksudkan sebagai perpindahan fasa seorang manusia daripada sempurna kepada kekurangan, daripada kuat kepada uzur dan daripada akal sempurna kepada pelupa.

Secara rumusannya dapatlah disimpulkan kebanyakan pengkaji telah bersetuju bahawa warga tua atau warga emas ialah seseorang yang telah mencapai atau genap umurnya sekurang-kurang enam puluh tahun yang merupakan had umur paling realistik dan boleh diterima untuk digelar sebagai warga emas. Umur 60 tahun juga amat sinonim dengan umur wajib bersara bagi seorang penjawat awam pada masa kini.

OBJEKTIF KERTAS KONSEP

Objektif kertas konsep dinyatakan seperti di bawah;

1. Menyenaraikan keperluan dan sukanan kurikulum yang sesuai untuk warga emas
2. Mengenal pasti tempat belajar yang sesuai untuk warga emas

MODEL PENDIDIKAN WARGA EMAS

Joyce dan Weil (2015) menyatakan model pengajaran seharusnya terbina daripada ekosistem yang menggembirakan serta merangsang seseorang untuk belajar berdasarkan interaksi dengan komponennya. Mereka menyatakan model pengajaran yang pelbagai mampu menarik minat dan perhatian seseorang dalam menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni disamping mempertingkatkan kompetensi seseorang dari aspek individu, kemasyarakatan dan pendidikan akademik.

Oleh hal itu, berpandukan Joyce dan Weil (2015), penulisan kertas konsep ini akan menjelaskan dan membincangkan aspek-aspek dan elemen-elemen yang amat sesuai dalam mereka bentuk model pengajaran warga emas. Penjelasan dan perbincangan mengenai model

pengajaran warga emas ini akan dihuraikan dalam bentuk naratif kerana bertepatan dengan definisi Model Pengajaran Joyce dan Weil. Diharap kertas konsep ini mampu memberi gambaran penuh bagi pembaca mendapatkan input dan ilmu-ilmu penting berkaitan pendidikan warga emas.

Keperluan Asas Warga Emas

Keperluan asas warga emas dalam mereka bentuk dan membina Model Pembelajaran Warga Emas yang diperlu dipertimbangkan seharusnya mementingkan perasaan dan sensitiviti warga emas itu sendiri. Hal ini bagi memberi dorongan yang positif kepada warga emas untuk kekal dan optimis dalam meneruskan pembelajarannya. Ianya mampu mengekalkan dan memberi motivasi dalaman kepada warga emas untuk terus belajar dan belajar bagi mencapai maksud pembelajaran sepanjang hayat

Keperluan Kerohanian

Keperluan kerohanian merupakan keperluan asas yang pertama. Aishah dan Katimah (2012); Safinah et. al. (2017) dalam kajian mereka mendapati bahawa antara salah satu keperluan yang penting oleh warga emas adalah keperluan kerohanian. Kebiasaannya warga emas selalu menghadapi keresahan dan dilema dalam soal kerohanian akibat daripada faktor umur yang meningkat. Apabila umur semakin tua dan telah mencecah umur 60 tahun, warga emas akan merasa seperti berada di penghujung umurnya ditambah lagi apabila telah secara rasmi bersara daripada alam pekerjaan terutamanya seorang penjawat awam. Hal ini disebabkan oleh kebimbangan bahawa hakikat sesebuah kematian yang sedang menghampiri mereka terutama warga emas yang menghidap penyakit berisiko tinggi dan tiada harapan untuk sembuh serta bergantung sepenuhnya dengan ubat dan alat kesihatan.

Kesukaran warga emas untuk melakukan ibadat dan amalan-amalan kerohanian kerana ketidakupayaan anggota badan untuk berdiri dan berjalan secara normal telah menyebabkan segelintir warga emas semakin jauh daripada Allah SWT. Ada yang berusaha untuk beribadah, namun disebabkan oleh keuzuran amalan ibadat atau solat yang dilakukan tidak sempurna serta boleh terbatal dengan sendirinya kerana lupa bacaan surah al-Fatihah dan bacaan-bacaan rukun dalam solat. Terkadang perbuatan tertib dalam rukun tidak dilakukan dengan sempurna menyebabkan warga emas hari demi hari tidak melaksanakan amalan tersebut dengan alasan mereka dalam keadaan keuzuran dan beranggapan agama Islam memberi kelonggaran kepada hamba yang sedang dalam keuzuran. Majoriti mereka tidak mempunyai persiapan rohani yang baik untuk baki umur di hari tua. Ini mungkin dapat juga dikaitkan dengan usia ketika mereka muda yang kurang dari sudut pendidikan, kemiskinan, cara hidup dan budaya yang tidak prihatin terhadap pendidikan dan agama menyebabkan warga emas yang tidak mempunyai persediaan kerohanian yang sepatutnya untuk melalui hari tua yang penuh cabaran (Elmi & Zainab. 2013).

Elmi dan Zainab (2013) juga menyatakan kejadian manusia dari elemen roh dan elemen jasad memperlihatkan gabungan yang amat penting antara material dan spiritual yang secara tidak langsung mampu membentuk gaya dan cara hidup manusia agar lebih tersusun dan sempurna. Hakikatnya manusia amnya atau warga emas khususnya mempunyai kecerdasan

rohaniah hidup dalam keadaan yang tenang dan bahagia. Kehidupan sehari-hari mereka akan teratur dan tersusun dengan baik menyebabkan mereka reda dengan aturan hidup oleh Allah SWT.

Oleh yang demikian, di dalam mereka bentuk dan membina model pembelajaran warga emas, aspek kerohanian perlu diutamakan. Walaupun tidak dinafikan majoriti warga emas sangat mementingkan elemen kerohanian di dalam gaya hidup mereka. Namun di dalam penyediaan model pembelajaran kepada warga emas, para guru dan kesemua pendidik perlu memberi perhatian yang serius terhadap kemampuan fizikal, mental dan emosi serta kemampuan mereka memahami ilmu pengetahuan dan kemahiran yang ingin disampaikan. Semua pendidik haruslah menyampaikan ilmu sedikit demi sedikit mengikut pencapaian dan kemampuan warga emas dan tidak mendesak mereka (Mariam & Muhammad Akmal Wafi. 2018) untuk faham kesemua yang diajar dalam satu masa yang terhad kerana bimbang dan takut sekiranya mereka tidak dapat menguasai ilmu kerohanian tersebut mereka akan berputus asa untuk belajar dengan baik. Penerapan nilai kerohanian disampaikan oleh para pendidik mengikut kemampuan kebolehan warga emas untuk mereka menguasai ilmu yang disampaikan dengan baik.

Bagi tujuan untuk melihat hasil sebaran ilmu kerohanian kepada warga emas dapat dilaksanakan dengan berkesan, maka para pendidik juga perlu diberi latihan yang bersesuaian bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran mendidik seseorang pendidik. Akhirnya akan mendarangkan hasil daripada pelaksanaan pengajaran pembelajaran yang lebih berkesan terhadap warga emas. Warga emas akan merasa selesa dan tenang untuk belajar dengan seorang guru yang memahami kemampuan dirinya dalam mengikuti pengajaran guru itu tadi.

Keperluan Dorongan Dan Kasih Sayang

Keperluan dorongan dan kasih sayang merupakan keperluan asas yang kedua. Rosnah dan Habibie (2002) hasil daripada kajian mereka yang dilakukan di daerah Tuaran mendapat 12.1 peratus daripada responden warga emas menyatakan mereka memerlukan dorongan dan kasih sayang. Seorang warga emas memerlukan perhatian dan kasih sayang (Rahimah. 2023) agar sentiasa merasa ada seseorang yang menemaninya untuk berbual-bual atau beramah mesra. Mereka juga perlu seseorang yang sentiasa menjaga kebajikannya terutama daripada anak-anak kandung dan cucu-cucunya. Mereka agar gembira dan senang hati apabila anak-anak dan cucu-cucu berkunjung ke rumahnya seperti sambutan hari raya, cuti sekolah dan sambutan hari lahir warga emas itu sendiri.

Selain daripada keperluan asas seperti keperluan makanan, minuman, tempat tinggal, pakaian serta kewangan, warga emas juga amat memerlukan keperluan dorongan dan kasih sayang terutamanya kasih sayang daripada anak-anak kandung sendiri dan rakan-rakan terdekat. Keperluan asas yang lain mungkin boleh disumbangkan oleh kerajaan atau badan-badan sukarela namun dari aspek keperluan dorongan dan kasih sayang ianya memerlukan sokongan sosial dan emosi daripada ahli keluarga terdekat dan sahabat handai (Nurul Hudani et. al. 2020). Ianya mampu meningkatkan hubungan kekeluargaan di antara anak dan warga emas. Sekiranya berlaku sebaliknya warga emas ini akan merasakan diri mereka diabaikan, tidak disayangi dan diambil peduli, disisihkan seterusnya menimbulkan perasaan sedih,

kemurungan, kesunyian, rendah diri lemah semangat dan sebagainya (Rosnah & Habibie. 2002).

Sekiranya warga emas berada di pusat belajar atau pondok belajar, seorang pendidik haruslah menekankan konsep kasih sayang dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajarannya. Elemen kasih sayang ini amat penting kerana faktor usia warga emas di mana mereka akan lebih sensitif dan cepat terasa. Jika seorang guru mendidik dengan cara kasar atau tegas, warga emas ini berlaku delima dalam diri sama ada ingin terus belajar atau meninggalkan tempat belajar tersebut. Oleh hal yang demikian, jika pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang dianggap agak kasar sedikit kepada warga emas, seorang pendidik haruslah cakna dan peka dengan perubahan tingkah laku warga emas semasa belajar seterusnya mengubah gaya dan strategi pengajaran kepada pengajaran berbentuk lemah lembut dan mesra kepada warga emas.

Seseorang pendidik bagi warga emas perlulah lebih berhikmah dan penuh kasih sayang. Para pendidik haruslah mempunya sifat kasih sayang dan kesabaran yang tinggi dalam mendidik warga emas. Biarpun mungkin mengambil masa yang agak lama untuk mengajar bagi satu-satu tajuk, seorang pendidik haruslah melihat kesan jangka masa panjang iaitu warga emas seronok belajar kerana unsur kasih sayang diterapkan dalam menuntut ilmu pengetahuan. Dengan cara ini akan menjadikan jiwa warga emas lebih lembut dan bersedia menambah ilmu pengetahuan mereka (Rosnah & Habibie. 2002). Bagi merealisasikan pembelajaran yang berasaskan kerohanian dan kasih sayang, pendidik warga emas haruslah menguasai ciri pendidikan dewasa kerana konsep ini akan menjelaskan cara penyampaian ilmu yang bersesuaian kepada warga emas.

SUKATAN DAN KURIKULUM WARGA EMAS

Sukatan dan kurikulum warga emas atau pendidikan orang dewasa bolehlah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pembelajaran teras atau asas dan juga pembelajaran lanjutan dinyatakan seperti berikut:

1. Pembelajaran teras (asas), iaitu pembelajaran kepada warga emas yang tidak berpeluang mempelajarinya ketika muda dalam bidang-bidang tertentu. Sebagai contoh ilmu berkaitan dengan asas membaca al-Quran. Warga emas akan diajar bermula daripada bacaan *Iqra* atau *Mukaddam* sehingga bacaan *mushaf* al-Quran itu sendiri. Berkemungkinan pada masa mudanya dahulu kala warga emas ini tidak mempunyai peluang yang banyak untuk belajar al-Quran berbanding pada masa kini banyak sekolah agama dan pondok-pondok telah didirikan oleh kerajaan dan perseorangan serta badan-badan tertentu. Pemberatan bagi pembelajaran asas ini hendaklah disampaikan secara santai dan mengikut kemampuan warga emas itu sendiri agar tidak membebaninya untuk menguasai ilmu.
2. Pembelajaran lanjutan iaitu tahap pembelajaran yang mempelajari sesuatu ilmu untuk menjadi seorang yang lebih pakar sesuai dengan keperluan perkembangan dalam bidang yang diceburi. Sebagai contoh ilmu qiraat atau tarannum al-Quran. Warga emas yang telah menguasai sepenuhnya asas al-Quran termasuk ilmu tajwid, warga emas ini bolehlah melanjutkan pembelajarannya ke tahap yang lebih tinggi seperti ilmu qiraat

atau tarannum al-Quran. Ilmu ini dipelajari dengan cara yang lebih serius, fokus dan disampaikan dengan cara yang penuh teliti dan memerlukan kepakaran yang tinggi. Guru yang mengajar ilmu ini hendaklah pakar dan mahir bukannya hanya mengetahui ilmu asas sahaja tanpa mempraktikkannya dan terbukti mahir.

Berdasarkan kepada ciri-ciri pembelajaran warga emas ini dapatlah disimpulkan bahawa golongan warga emas boleh meneruskan pembelajarannya mengikut peringkat dan tahap penguasaan ilmu warga emas itu sendiri. Mereka boleh memilih ilmu yang ingin dipelajari seterusnya memantapkan diri sendiri dengan ilmu dan kemahiran lanjutan setelah menguasai sepenuhnya ilmu-ilmu dan kemahiran-kemahiran asas dalam satu-satu ilmu yang dipelajari. Hal ini boleh meningkatkan motivasi warga emas untuk terus belajar seterusnya memenuhi matlamat pembangunan insan yang berterusan.

Menurut pandangan Islam yang dinyatakan oleh Al-Rawi (1993), ada tiga ciri pendidikan dewasa iaitu: Pertama, pendidikan dewasa merupakan satu proses pembelajaran sepanjang hayat iaitu dari “buaian hingga ke liang lahad”. Ciri yang pertama ini menggambarkan seseorang tiada had untuk belajar daripada kecil sehingga hujung nyawa. Perbezaannya adalah berdasarkan pendidikan seseorang individu dan kemampuan untuk belajar kerana tidak semua orang mampu belajar semua ilmu di dunia ini. Oleh itu seseorang hanya mampu memilih ilmu yang difahaminya di mana ilmu tersebut dipelajari dari kecil sehingga ke hujung nyawanya. Bagi warga emas ilmu yang dipilih adalah mengikut kesanggupannya dan kefahamannya ketika belajar dengan gurunya.

Ciri yang kedua adalah pembelajaran berulang-ulang telah menjadi amalan umat Islam pada masa dahulu. Ini kerana di awal sejarah tamadun Islam, sistem pendidikannya tidak berstruktur dan tersusun seperti pada masa sekarang, yang mana individu sering belajar dan bekerja secara tukar ganti mengikut kesesuaian masa. Ini kerana dalam pembelajaran terdapat kata-kata hikmat seperti “Seseorang tidak sempurna amalnya jika ia tidak belajar, dan tidak menjadi orang yang terdidik jika ia tidak melakukan sesuatu mengikut apa yang dipelajari”. Pada masa kini pembelajaran berulang-ulang dapat dilihat di dalam pembelajaran asas al-Quran. Jika dilihat guru dan murid akan berulang-ulang setiap kali membaca al-Quran akan melakukan *talaqqi musyafahah* agar bacaan murid dapat diperbetulkan secara terus di hadapan guru. Bagi warga emas ciri ini amat sesuai kerana penguasaan ilmu untuk warga emas akan mengambil masa yang agak lama.

Dan akhir sekali ciri yang ketiga ialah konsep masyarakat berpelajaran (*Learning Society*) merupakan satu tuntutan dalam Islam. Walaupun konsep ini sering dilaung-laungkan pada masa kini namun menurut sejarah tamadun Islam di zaman Abbasiah seluruh masyarakat Arab telah mengalami transformasi pendidikan iaitu masyarakat tersebut dianggap sebagai satu institusi pembelajaran yang besar. Terdapat bidang-bidang pendidikan yang telah tumbuh ketika itu ialah perundangan Islam, ketatanegaraan dan ilmu politik. Pada masa kini banyak tertubuhnya institusi-institusi pengajian khusus yang ada di Malaysia. Bagi warga emas sistem pondok adalah amat sesuai kerana menyediakan pendidikan rohaniah yang diperlukan majoriti warga emas.

Menurut Mahfuz (1992), sukanan pelajaran haruslah perlu lebih mendalam dan bukannya sekadar peringkat asas sahaja. Dari aspek pengajaran guru disarankan memulakan pengajaran dengan minat atau kegemaran warga emas itu dahulu. Sebagai contoh untuk

permulaan guru akan memperkenalkan diri terlebih dahulu diikuti oleh setiap warga emas di dalam kelas atau bilik darjah. Warga emas boleh berkenalan dengan rakan yang lain agar lebih mesra dan seronok semasa mengikuti pengajaran guru. Pendidik juga perlu berlemah lembut dalam percakapan mereka agar warga emas mudah meresap ke dalam jiwanya. Pendidik juga perlu sensitif terhadap sasaran yang dituju. Sebagai contoh, mereka boleh memulakan sesi pembelajaran dengan mengajak memikirkan tentang kejadian alam, kehebatan pencipta alam ini dan sebagainya.

KEMUDAHAN TEMPAT BELAJAR

Kemudahan tempat belajar merupakan salah satu elemen yang penting dalam memastikan keselesaan warga emas untuk terus belajar. Beberapa kemudahan tempat belajar yang akan menjadi topik perbincangan di antaranya ialah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), rumah-rumah ibadat seperti masjid dan pondok-pondok pengajian sama ada tradisional, moden dan juga komprehensif.

Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)

Sehingga kini kerajaan telah menubuhkan sekurang-kurangnya 22 buah Pusat Jagaan Harian Warga Tua (PJHWT) semenjak tahun 2001 lagi sebagai satu tempat warga emas menjalankan aktiviti sehari-hari bersama komuniti warga emas di sana. Pada tahun 2012 PJHWT telah dijenamakan semula kepada nama Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) bersetujuan dengan konsep menggalakkan warga emas melakukan aktiviti yang sihat berbanding dengan konsep jagaan harian.

Penubuhan PAWE bertujuan untuk memberi kemudahan kepada warga emas bagi menjalankan aktiviti terutama bagi mereka yang tinggal bersendiri semasa ketiadaan ahli keluarga yang sibuk bekerja di tempat lain. PAWE menyediakan pelbagai kemudahan untuk beriadah serta menjalankan program dan aktiviti yang bersetujuan dengan warga emas seperti masakan, kraf tangan, jahitan dan lain-lain. Melalui PAWE ini warga emas juga mampu meningkat motivasi diri untuk belajar ilmu di sana tanpa merasa disisih oleh keluarga.

Rumah Ibadat atau Masjid

Secara umumnya rumah ibadat atau masjid amat sinonim dengan tempat beribadat dalam kehidupan seorang muslim. Tanggapan seperti ini haruslah dikikis dan dimurnikan dalam masyarakat kita bagi menjelaskan fungsi dan peranan sebenar rumah ibadat ataupun masjid dalam memperkasakan pembangunan insan yang berterusan. Rumah ibadat atau masjid bukanlah sekadar lambang dan syiar dalam kehidupan Islam namun ianya lebih daripada itu di mana masjid adalah nadi dan pusat kegiatan aktiviti bagi seluruh umat Islam.

Abdul Halim dan Mahfuzah (2010) menyatakan konsep pengajian di masjid seharusnya mempunyai roh kesepadan ilmu di mana ilmu-ilmu Islam yang diajar di masjid harus sentiasa dikaitkan dengan ilmu dan realiti semasa. Pada masa yang sama, ilmu-ilmu semasa yang dibincangkan dalam paradigma pemikiran Islam juga dapat didedahkan kepada masyarakat. Oleh itu, tidak semestinya golongan agamawan sahaja yang perlu mendidik dan mengajar di

masjid tetapi golongan profesional dan intelektual Muslim yang lain juga turut berperanan sama.

Pondok Pengajian (Tradisional, Moden atau Komprehensif)

Menurut Ahmad Zabidi et. al. (2017), ada 3 jenis sistem pondok berdasarkan kurikulum atau model pendidikan yang digunakan iaitu Pondok Tradisional, Pondok Moden dan juga Pondok Komprehensif seperti berikut;

1. Pondok Tradisional

Pondok ini masih mempertahankan bentuk aslinya dengan mengajarkan kitab yang ditulis oleh ulama terdahulu pada zaman abad ke-15 dengan menggunakan bahasa Arab. Pola pengajarannya menerapkan sistem *halaqah* yang dilaksanakan di dalam ruang masjid. Sistem pengajaran *halaqah* ini adalah menitik beratkan penghafalan para pelajar ataupun *santri* semasa menerima dan mengamalkan ilmu yang diajar. Maksudnya ilmu tidak berkembang ke arah penyempurnaan ilmu itu, melainkan hanya terbatas pada apa yang diberikan oleh guru. Kurikulum sepenuhnya ditentukan oleh para guru di pondok-pondok tersebut

2. Pondok Moden

Pondok ini merupakan perkembangan pondok yang berorientasikan pembelajarannya cenderung ke arah seluruh sistem pembelajaran yang moden dan meninggalkan sistem pembelajaran tradisional. Penerapan sistem pembelajaran moden ini terutamanya dapat dilihat pada penggunaan kelas pembelajarannya dalam bentuk madrasah mahupun sekolah. Kurikulum yang dipakai atau digunakan adalah kurikulum nasional atau negara. kedudukan para guru sebagai koordinator pelaksana proses pembelajaran dan sebagai pengajar di kelas. Perbezaannya dengan sekolah dan madrasah terletak pada tahap pendidikan agama Islam dan bahasa Arab lebih menonjol sebagai kurikulum tempatan.

3. Pondok Komprehensif

Jenis pondok ini merupakan sistem pendidikan dan pengajaran gabungan antara tradisional dan moden. Pendidikan diterapkan dengan pengajaran kitab kuning yang biasanya diajarkan pada malam hari selepas solat Maghrib dan selepas solat Subuh. Proses pembelajaran sistem tradisional dilaksanakan pada waktu maghrib dan subuh manakala pembelajaran moden dilaksanakan pada waktu pagi ataupun waktu petang seperti di madrasah atau sekolah harian pada masa kini.

Daripada ketiga-tiga sistem pondok ini, seorang warga emas boleh memilih mana-mana pondok yang sesuai dengan kemampuannya dan menguasai ilmu yang ingin dipelajarinya. Berkemungkinan ada yang cenderung untuk memilih sistem pondok tradisional dan ada juga yang cenderung kepada sistem pondok moden atau komprehensif. Setiap sistem pondok yang ada sekarang mempunyai kelebihan masing-masing dan saling lengkap melengkapi antara satu sama lain.

KESIMPULAN

Pendidikan Warga Emas harus berteraskan kerohanian dan kasih sayang. Tempat belajar mampu memenuhi keperluan warga emas untuk membina jati diri yang kuat. Teori atau model pembelajaran sebagai panduan tanpa mengabaikan aspek utama dan terpenting iaitu hati dan perasaan warga emas untuk belajar.

Oleh hal itu dalam mereka bentuk dan membina model pendidikan warga emas, seharusnya menitik beratkan elemen kerohanian, kasih sayang dan kemudahan belajar yang menepati ciri-ciri pendidikan warga emas sama ada tradisional, moden atau komprehensif. Sukatan dan kurikulum pendidikan warga emas seharusnya mempunyai perbezaan sedikit dengan sekolah aliran biasa. Pendekatan guru hendaklah lemah lembut dan sabar dalam mendidik warga emas menguasai ilmu dan kemahiran yang diajar.

Guru memainkan peranan yang paling penting dalam meningkatkan motivasi warga emas untuk terus meningkatkan potensi diri dalam ilmu dan kemahiran. Peranan guru perlu diperkasakan seiring dengan era globalisasi agar guru dapat dilihat benar-benar berfungsi dalam membantu warga emas untuk merealisasikan pembelajaran sepanjang hidup dan pembangunan insan yang berterusan.

RUJUKAN

- Abdul Halim, T., & Mahfuzah, M. Z. 2010. Peranan institusi masjid untuk merealisasikan konsep kesepaduan ilmu dalam pendidikan. *Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Masjid*. 103-104.
- Ahmad Zabidi Abdul Razak, Mariam Abd. Majid, Sahlawati Abu Bakar & Safinah Ismail. 2017. Model pembelajaran sepanjang hayat warga emas ke arah pembagunan insan yang berterusan. *Wacana Dakwah & Usuluddin Kontemporari*. 1 – 21.
- Aishah@Eshah Mohamed & Katiman Rostam. 2012 .Warga Tua Melayu Di Pinggir Wilayah Metropolitan, Selangor: Pengalaman Dan Persepsi Tentang Diri. *GEOGRAFIA Online Malaysia Journal of Society and Space* 8(6), 1 – 14.
- Al-Rawi, Musare. 1993. *Islam and Adult Education. Covergence* 26 (1): 83-91.
- Elmi Baharuddin & Zainab Ismail. 2013. Hubungan kecerdasan rohaniah warga tua dengan amalan agama di rumah kebajikan. *Islamiyyat* 35 (1), 20 – 21.
- Joyce, B. R. & Weil, M. 2015. *Models of Teaching*, 9th edition. Georgia: Pearson
- Mahfuz Teh. 1992. *Kefahaman Tentang Islam dan Pengamalannya oleh Saudara Baru: Satu Kajian Khusus di Kuala Lumpur*. Kertas projek Sarjana Muda, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mariam Abd. Majid & Muhammad Akmal Wafi Azizmai @ Azmi. 2018. Program pendidikan dan pendekatan pengajaran warga emas di institusi pondok : kajian di Pondok Al-Rahmaniah Kedah. *4th International Conference On Islamiyyat Studies 2018*, 302 - 311
- Nor Raudah Siren. 2015. Psikologi dan penerimaan warga emas di kompleks warga emas al-Jenderami. *Jurnal Usuluddin* 41 (Januari –Jun 2015), 73 – 93.
- Nurul Hudani Md Nawi, Habibie Ibrahim & Puteri Hayati Megat Ahmad. 2020. Hubungan intergenerasi, sokongan psikologidan sosial dalam penjagaan warga emas: satu kajian kes di Kota Kinabalu Sabah. *Jurnal Kinabalu* 26(1), 175 - 194.

- Rahimah Dahlan & Mohd. Isa Hamzah. 2023. Punca Pengabaian Warga Emas di Malaysia. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 3(4), 29-36.
- Rosnah Ismail & Habibie Ibrahim. 2002. Wanita dan penjagaan warga tua: satu kajian awalan di daerah Tuaran, Sabah. *Jurnal Pembangunan Sosial Jilid 4 & 5*, 27 – 46.
- Safinah Ismail, Sahlawati Abu Bakar, Mariam Abd. Majid, Ahmad Zabidi Abdul Razak & Noor Atika Shafinaz Ahmad Nazri. 2017. Analisis keperluan warga emas terhadap pendidikan pondok: kajian di Pondok Rahmaniah Lubuk Tapah. *3rd International Conference On Islamiyyat Studies 2017*, 60 – 70.
- Surina Nayan. 2006. Keprihatinan yang luntur terhadap warga emas. *Jurnal Intelek*. 4(1): 95 – 105.